

**PUSAT SUMBER  
FAKULTI ALAM BINA**



**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TRIP PERJALANAN KE  
TAMAN TEMA**

**KAJIAN KES: TAMAN TEMA SUNWAY LAGUN,  
KUALA LUMPUR**

**ATIQA MARDIAH BT BAHARI**

**Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**APRIL, 2010**

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi trip perjalanan ke taman tema. Kajian ini dibuat adalah untuk membantu pihak perancang dalam merancang kawasan taman tema dengan lebih sistematik dan strategik dengan mengambilkira faktor-faktor ini sebelum perancangan bagi taman tema dibuat. Ini supaya tidak berlaku kesalahan dalam perletakan taman tema yang akan menjadikan taman tema tersebut tidak berjaya pada masa hadapan. Jadi adalah penting kajian ini dilakukan bagi menjadikan sesebuah taman tema itu berjaya seperti taman tema Sunway Lagoon. Dalam kajian ini, faktor-faktor yang dikaji sebagai faktor yang mempengaruhi trip ke taman tema adalah faktor jarak, pendapatan, harga, aktiviti, kecekapan dan layanan kakitangan, kemudahan yang disediakan, dan mod pengangkutan. Faktor utama yang dibincangkan dalam kajian ini adalah faktor jarak. Ini adalah bagi membuktikan hipotesis yang dibuat iaitu kawasan tampungan menjadi faktor yang mempengaruhi kejayaan taman tema. Daripada analisis yang dibuat menggunakan analisis crosstabulation dan regresi, dapat dibuktikan bahawa jarak mempengaruhi trip ke taman tema dan secara tidak langsung telah membuktikan bahawa kawasan tampungan mempengaruhi kejayaan taman tema. Jadi adalah penting sesebuah taman tema bergantung kepada kawasan tampungannya untuk berjaya. Faktor-faktor lain yang mempengaruhi trip ke taman tema adalah aktiviti, kecekapan kakitangan, layanan kakitangan kemudahan yang disediakan, dan juga mod pengangkutan. Dan faktor yang telah dikenalpasti tidak mempengaruhi trip ke taman tema adalah faktor pendapatan dan harga. Ini kerana kedua-dua faktor ini tidak menjadi halangan kepada tirp yang dijanakan ke taman tema.

## ABSTRACT

This study was conducted to examine factors affecting the travel trip to a theme park. It was done to assist planners in designing the theme park with more systematically and strategically by taking into accounts all of these factors before planning being made for the location of a theme park. If this factor does not considered in the planning, this will affect the revenue of the theme park and make the theme park theme parks become unsuccessful in the future. So, this study is important to make new development of a theme park be a successful theme park such as Sunway Lagoon Theme Park. In this study, the factors involved in affecting the trip made to the theme park is the distance factor, income, prices, activities, staff efficiency, services, and modes of transportation. The main factor discussed in this study is the distance factor. This is to prove whether the hypothesis made; the catchment area of a theme park influence the success of theme parks. From the analysis of cross tabulation and regression, have been proven that distance affect trip to a theme park. The successfulness of the theme parks depends on the catchments area of a theme park. So, it is important for the theme park, to depend on the catchment area of the theme park to succeed. Other factors affecting the trip to the theme park is the activities, staff efficiency, services, and modes of transportation. And the factors that have been identified does not affect the trip generate to the theme park is income and price factors. This is because both of these factors do not become obstacles to trip generation to the theme parks.